

SOALAN LAZIM
PEKELILING PENTADBIRAN UTM KUALA LUMPUR (PPUTMKL) BIL. 1 & 2/2020

1. **ADAKAH PPUTMKL BIL. 2/2020 MEMBATALKAN ARAHAN DALAM PPUTMKL BIL. 1/2020?**
 - a) **Tidak**, PPUTMKL Bil. 2/2020 perlu **dibaca bersekali** dengan PPUTMKL Bil. 1/2020.
2. **BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MENYEMAK KATEGORI KEDIAMAN SAYA SAMA ADA BERADA DALAM ZON HIJAU/KUNING/MERAH?**
 - a) Semakan zon penularan wabak COVID-19 terkini boleh disemak menerusi **<http://covid-19.moh.gov.my/>**
3. **DAERAH KEDIAMAN SAYA DIWARTAKAN SEBAGAI ZON MERAH, ADAKAH SAYA DIKIRA BERADA DALAM ZON MERAH SEDANGKAN MUKIM KEDIAMAN SAYA ADALAH ZON KUNING?**
 - a) **Ya**, sekiranya saudara menetap di **negeri selain dari Kuala Lumpur**.
 - b) **Tidak**, sekiranya saudara menetap di **Kuala Lumpur** kerana penentuan zon adalah **mengikut mukim**.
4. **ADAKAH PERATURAN PENGILIRAN KERJA KE PEJABAT BOLEH KURANG DARIPADA 25%?**
 - a) Boleh, yang **tidak dibenarkan adalah melebihi had** maksimum 25%.
5. **SEKIRANYA TERDAPAT STAF YANG TIDAK DIARAHKAN UNTUK DATANG BERKERJA SECARA FIZIKAL, TETAPI MEMOHON UNTUK HADIR KE KAMPUS, ADAKAH PERMOHONANNYA BOLEH DIPERTIMBANGKAN?**
 - a) **Tidak boleh**, kebenaran hanya terhad kepada staf yang terlibat dengan proses kerja yang memerlukan keberadaannya di pejabat seperti urusan kewangan, pengurusan, dan kebajikan sahaja.
 - b) Keutamaan adalah bagi **tugasan yang tidak boleh ditangguh atau diambil alih oleh orang lain**.
6. **SAYA TELAH DIARAHKAN UNTUK HADIR BERTUGAS DI KAMPUS, TETAPI MENETAP DALAM KAWASAN ZON MERAH, ADAKAH SAYA PERLU AKUR TERHADAP ARAHAN INI?**
 - a) Saudara **wajib hadir bertugas** sebagaimana yang diarahkan. Kegagalan saudara mematuhi arahan bertugas adalah **merupakan satu bentuk salah laku** yang boleh dikenakan tindakan tatatertib.
 - b) Staf dari zon merah yang **diarahkan hadir ke pejabat tetapi bergejala perlu untuk menjalani Ujian Saringan COVID-19** sebelum hadir bertugas. **Sekiranya keputusan ujian adalah negatif** saudara boleh datang ke pejabat apabila telah sihat sepenuhnya.
 - c) Kos ujian akan **ditanggung oleh pihak Universiti bagi staf berstatus Tetap dan juga Kontrak** (tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan). Sila rujuk Infografik **Panduan Bagi Staf Bergejala Dari Zon Merah Yang Perlu Hadir Ke Pejabat**.